

# 60 pesilat sertai pesta tiga negara

- 2 APR 1980

SERAMAI 60 orang pesilat, 20 dari tiap-tiap negara, akan menyertai Pesta Silat Tiga Negara di Panggung Negara pada 25 dan 26 April ini.

Persembahan malam pertama, menurut Setiausaha Agung Persisi, merupakan malam yang dipenuhi dengan berbagai pertunjukan khas dalam tiga bentuk — silat kesenian, beladiri dan kebatinan.

Mereka menjangka persembahan-persembahan baru dari Malaysia dan Indonesia akan menyemarakkan lagi keseluruhan pertunjukan malam itu.

Malam kedua pula akan dipenuhi dengan permainan silat

olahraga, iaitu pertandingan kecekapan bersilat perseorangan.

Kelebihan acara ini ialah ketiga-tiga negara akan mengambil bahagian tetapi tidak dalam bentuk menentang satu sama lain.

## Dua kumpulan

Sebaliknya kesemua peserta akan digabung dan dipecahkan kepada dua kumpulan dengan setiap kumpulan dianggotai oleh pesilat-pesilat dari ketiga-tiga negara.

Para anggota dari kedua-dua kumpulan inilah akan bertemu antara satu sama lain. Untuk

mempastikan para pesilat Singapura memberikan permainan yang baik, mereka dikenakan menjalani latihan setiap Sabtu, di Jalan Peggaga.

Tiket bagi hari pertama ialah \$10, \$6 dan \$3 sementara untuk hari kedua ialah \$6, \$4 dan \$2 dan boleh dibeli dari No. 3, Jalan Peggaga, Blok 502, 44-C, Bedok North (424669), kedai buku Haji Hashim, Gerai Maymoon di ibu pejabat PUB, kerabat-kerabat Persisi, termasuk Perwanit, Pasak, Persatuan Bawean Singapura, Badar Kesenian Melayu, Pertapis, Persenis, Himpunan Queenstown, Persatuan Seni Budaya, Gamelan, Al-Haq, Eshar Kemuning.

Jaran de  
apa saja  
kepada Ne  
Seman  
dikekalkan  
★ Muka  
17 m  
Iran,  
Kurdi  
Singa

# Tak ramai guru silat didapati langgar Akta

- 9 APR 1980

BILANGAN guru-guru seni pertahanan diri yang melakukan kesalahan di bawah Akta Seni Pertahanan Diri adalah kecil memandangkan penyiataan-penyiataan mengejut yang dijalankan oleh pihak berkuasa di samping syarat-syarat yang lebih ketat di kuatkuasakannya.

Setiap bulan, Unit Kawalan Seni Pertahanan Diri (Macu), Kementerian Halehwal Dalam Negeri, mengadakan dua penyiataan mengejut ke atas

Para pegawai Macu dalam siasatan itu akan memeriksa sijil-sijil tauliah guru seni pertahanan diri dan para pelatihnya.

Mereka yang tidak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan — sama ada oleh gurunya ataupun para pelatih sendiri — di bawah Akta Seni Pertahanan Diri yang dikuatkuasakan sejak 1974, boleh didakwa di mahkamah.

## Teliti

Di bawah akta itu, mereka yang didapati bersalah boleh

seni pertahanan diri telah diperiksa dengan teliti latar-belakang mereka sebelum didaftarkan sebagai guru bertauliah oleh Macu.

Walaupun tidak ada batas umur bagi seseorang untuk memohon sebagai guru pertahanan diri, Macu sebagai sebuah badan mengawal kegiatan seni pertahanan diri di sini mempunyai kata mutlak untuk menolak sesuatu permohonan itu.

Dan menurut sumber-sumber yang rapat, Macu biasanya lebih mengutamakan para pemohon

kat pra-universiti yang mempunyai para pelatih di kalangan rakan-rakan sekolah mereka.

Sumber-sumber itu menerangkan bahawa seseorang guru seni pertahanan diri itu boleh menggunakan kebolehannya untuk kepentingan dirinya, umpamanya menjadi seorang penjaga keamanan di kelab-kelab malam dan bar selagi dia mematuhi akta itu.

## Diwajibkan

- 9 APR 1980  
Di samping diterbitkan